



KEMUDAHAN BEKALAN AIR : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN

**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH**

PENGENALAN

- Air merupakan satu sumber alam yang paling berharga dan harus di pelihara secara bersama
- Penting bagi memastikan kesihatan rakyat dapat dijamin
- Sumber air sering dicemari menyebabkan berlakunya kekurangan sumber air untuk di rawat
- Kos O&M untuk membekalkan air menjangkau jutaan Ringgit Malaysia
- Antara agensi Kerajaan Persekutuan yang terlibat :
 - ✓ KeTTHA
 - ✓ KKLW
 - ✓ KKM
 - ✓ KPM

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA)

Fungsi Sektor Air :

- menggubal dan mewujudkan dasar-dasar berkaitan industri perkhidmatan air negara (yang meliputi bekalan air dan pembentungan) selaras dengan tujuan untuk pemodenan industri berkaitan dan mengikut piawaian yang ditetapkan termasuk amalan baik industri perkhidmatan air negara;
- merancang dan membangunkan kerangka dasar regulatori bagi memajukan industri perkhidmatan air negara termasuklah penyediaan peraturan-peraturan, undang-undang, garis panduan dan lain-lain instrumen subsidiari yang lain;
- merancang dan menyelaras mekanisma penentuan tarif, standard dan kualiti industri perkhidmatan air untuk menentukan kepentingan pengguna dilindungi dan memastikan perkhidmatan terbaik diterima;

Samb.....

- merancang, menilai, memantau projek-projek pembangunan industri perkhidmatan air bagi memastikan pelaksanaannya mengikut jadual yang telah ditetapkan dan meyelesaikan masalah yang timbul secara profesional; dan
- menjadi urus setia bersama kepada Majlis Sumber Air Negara dan jawatankuasa-jawatankuasa yang di wujudkan di peringkat persekutuan dan negeri bagi menentukan dasar-dasar yang ditetapkan serta pelaksanaannya selaras dengan keputusan dan hasrat Kerajaan.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA)

Objektif Sektor Air :

- menyediakan infrastruktur yang bersepadu, cekap dan bermutu tinggi bagi industri perkhidmatan air;
- memastikan suatu suasana yang sesuai bagi pembangunan industri perkhidmatan air;
- memastikan kemajuan teknologi bagi industri perkhidmatan air yang berterusan menerusi penyelidikan dan pembangunan;
- memastikan penyediaan perkhidmatan air disalurkan secara sama rata pada harga yang berpatutan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup;
- memastikan penyediaan perkhidmatan air yang selamat dan boleh dipercayai;

Samb....

- mewujudkan satu sistem kawal selia yang dinamik dan progresif bagi menggalakkan pembangunan dan mengurus impak industri perkhidmatan air terhadap masyarakat dan persekitarannya; dan
- peningkatan berterusan sistem sokongan pengurusan.

KEMENTERIAN KESIHATAN (KKM)

- Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)
- Memastikan masyarakat memperolehi bekalan air selamat dan mengamalkan penjagaan kebersihan
- Objektif BAKAS :
 - ✓ sistem *Gravity Feed*;
 - ✓ telaga Terkawal;
 - ✓ telaga terkawal dengan sambungan ke rumah;
 - ✓ sistem tadahan air hujan; dan
 - ✓ sambungan paip air Pihak Berkuasa Air (PBA)/Kementerian Kesihatan

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (MOE)

- Bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah di luar bandar yang dibina dapat menikmati kemudahan asas yang mencukupi bagi mewujudkan keadaan yang kondusif untuk proses pembelajaran.
- Hanya terhad kepada bekalan air bersih ke sekolah sahaja.
- Kaedah pembekalan air yang digunakan :
 - ✓ Telaga tiub (tube well); dan
 - ✓ Sistem tadahan air hujan (rain water harvesting).

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

- Misi KKLW :
“menjana komuniti luar bandar yang progresif melalui pemeraksanaan modal insan, infrastruktur dan ekonomi berdaya saing dalam persekitaran lestari”
- Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB)
 - diwujudkan bagi membantu PBAN memperluaskan liputan perkhidmatan bekalan air bersih yang terawat kepada penduduk di kawasan luar bandar melalui sistem retikulasi dan juga sistem alternatif dan naik taraf loji rawatan air

LATAR BELAKANG PROGRAM (BALB)

- Dimulakan pada 1974 dan diperluaskan di bawah skim *Accelerated Rural Water Supply* di dalam RMK-2 (1971-1975) dan masih berterusan sehingga kini dan akan diteruskan dalam RMK-10;
- Pada awalnya, dasar pembiayaan program BALB ialah 80% pinjaman dan 20% geran kerajaan Persekutuan. PBAN sebagai Agensi Pelaksana;
- Jemaah Menteri pada 31 Mei 2000 telah bersetuju pertukaran dasar pembiayaan program kepada 100% Geran Kerajaan Persekutuan. Dilaksanakan secara Konsep Bersepadu;
- Sasaran liputan bekalan air di bawah NKRA (2010-2012) adalah 97% di Semenanjung dan 90% di Sabah dan Sarawak menjelang akhir 2012 bagi manfaat 360,000 buah rumah.

OBJEKTIF PROGRAM BALB

- Menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat dapat dipertingkatkan;
- Sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi luar bandar khususnya di sektor pertanian, pelancongan dan perindustrian; dan
- Memperluaskan liputan bekalan air kawasan luar bandar di seluruh negara.

DASAR DAN STRATEGI PELAKSANAAN PROGRAM BALB

- Meneruskan Pelaksanaan secara konsep bersepadu
- Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) BALB telah bersetuju perluasan skop program:-
 - ✓ Sambungan retikulasi hingga ke meter
 - ✓ Pelaksanaan projek termasuk menaiktaraf loji/loji baru

OUTPUT DAN FAEDAH YANG DIJANGKA

- Mempercepatkan liputan bekalan air bersih yang dirawat ke kawasan luar bandar;
- meningkatkan taraf kesihatan, kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli;
- menyumbang dalam meningkatkan industrialisasi pertanian dan penghasilan produk-produk IKS di luar bandar; dan
- merapatkan jurang perbezaan liputan bekalan air antara kampung, wilayah dan negeri.

SKOP PROGRAM

- **Sistem Retikulasi** iaitu pembekalan / penyambungan kepada sistem paip utama PBAN sedia ada. (Dalam keadaan kritikal, pengubahsuaian paip, pembinaan tangki, 'booster pump' dan naik taraf loji juga dilaksanakan.
- **Sistem Alternatif** sebagai "*temporary measures*" untuk pembekalan air bersih kepada penduduk luar bandar di kawasan yang terlalu jauh dari sumber bekalan air PBAN.
- **Naiktaraf Loji Rawatan Air** bagi kawasan yang kritikal.

TANGGUNGJAWAB PENYEDIAAN BEKALAN AIR

Penyediaan bekalan air adalah dibawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN)

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN)	Peranan KKLW
<ul style="list-style-type: none">• Penyediaan Sumber Air• Pembinaan Paip Utama• Pengoperasian dan Penyelenggaraan• Pembinaan Loji Rawatan Air	<ul style="list-style-type: none">• Membantu membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah (Sehingga <i>Meter-Stand</i>)• Sistem alternatif bagi kampung yang tidak ekonomi bagi paip retikulasi

PENUTUP

Semua pihak di harap dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya bagi memastikan matlamat untuk membekalkan bekalan air bersih kepada penduduk di kawasan luar bandar dapat dicapai dengan jayanya.



**SEKIAN
TERIMA KASIH**



Contact Person KKLW :

- 1.En. Shahizan Bin Abdullah 03-88863741
- 2.En. Mohd Fadhley Bin Ali 03-88863794
- 3.En. Ahmad Yusri Bin Yaacob 03-88862594
- 4.Pn. Eyani Saffina 03-88863742

Fax : 03-88892127
03-88886533